

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa General Insurance Berhad ("Kami")
Baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai <b>Hero15</b> . Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	<b>Hero15</b> <b>Tarikh : 01/03/2024</b>

**1. Apakah produk ini?**

Produk ini memberi faedah perlindungan kemalangan diri terhadap kecederaan badan, kanser lelaki serta kehilangan barangan dan/atau peralatan sukan secara tidak sengaja.

**2. Apakah perlindungan/manfaat yang diberi?**

Berikut adalah manfaat-manfaat Hero15:

No	Manfaat-manfaat	Jumlah perlindungan (RM)
1	Kematian akibat kemalangan	100,000
2	Ketidakupayaan kekal	Sehingga 150,000
3	Tunai bulanan bagi hilang upaya kekal menyeluruh (untuk 5 tahun)	2,000 sebulan sehingga 120,000
4	Tunai ihsan	5,000
5	Dana pendidikan anak-anak	20,000 setiap anak
6	Baki tertunggak kad kredit/caj	Sehingga 5,000
7	Pembayaran pinjaman sewa beli kenderaan persendirian	Sehingga 30,000
8	Penjagaan rumah	8,000
9	Pembedahan rekonstruktif muka atau rawatan pergigian akibat kemalangan	Sehingga 10,000
10	Tunai ihsan akibat ketidaksuburan akibat kemalangan	10,000
11	Pembedahan kulit akibat kemalangan dan/atau kelecuman	Sehingga 5,000
12	Elaun kemasukan ke hospital akibat kemalangan	Sehingga 10,000 (100 sehari)
13	Perbelanjaan perubatan akibat kemalangan	Sehingga 5,000
14	Kehilangan barangan dan/atau peralatan sukan (tertakluk kepada 'ekses' RM100)	Sehingga 500
15	Kanser lelaki	20,000

**Nota:**

- Ini adalah polisi yang diperbaharui secara tahunan dan premium boleh dibayar secara bulanan atau tahunan.
- Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

**3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

Umur (tahun)	Premium Tahunan (RM)	Premium Bulanan (RM)
18 - 50	320.00	28.00
51 - 60	440.00	39.00
61 - 70	440.00	39.00

- Pembaharuan polisi adalah tertakluk kepada umur 61 ke atas sehingga 70 tahun, dengan syarat bahawa kami berpuas hati dengan tahap kesihatan anda. Pembaharuan premium adalah berdasarkan kumpulan umur 51 – 60.
- Premium boleh dibuat secara autodebit daripada akaun pilihan anda (semasa/simpanan/kad kredit) mengikut kaedah pilihan anda, sama ada bulanan atau tahunan.
- Kadar premium adalah tidak dijamin dan mungkin akan dinaikkan atau berbeza semasa polisi diperbaharui, berdasarkan kepada pencapaian usia empat puluh satu (51) tahun atau pengalaman tuntutan portfolio Syarikat Insurans di dalam perniagaan ini.
- Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

**4. Apakah bayaran dan caj yang perlu saya bayar?**

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada bank	25% daripada premium
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium
Duti Setem	RM10.00

**5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya ketahui?**

**Kepentingan pendedahan**

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

- c. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- d. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- e. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

**Tempoh bertenang** – Anda berhak memulangkan polisi kepada kami bagi pembatalan dengan syarat permohonan bagi pembatalan sedemikian diserahkan oleh anda kepada kami dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran polisi. Anda adalah berhak untuk mendapatkan pengembalian penuh premium yang dibayar selepas ditolak perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh kami bagi pengeluaran polisi, sekiranya ada.

**Tempoh Menunggu** - Tempoh menunggu selama tiga puluh (30) hari selepas tarikh polisi berkuatkuasa adalah digunapakai sebelum orang yang diinsuranskan layak untuk apa sahaja manfaat seperti ditakrifkan pada jadual di atas, melainkan sebab kemasukan hospital adalah akibat dari kemalangan.

**Tempoh Menunggu Penyakit Khusus** - Tempoh menunggu untuk penyakit khusus adalah seratus dua puluh (120) hari dari tarikh polisi berkuatkuasa.

**Manfaat Kanser Lelaki** - Manfaat kanser lelaki tertakluk kepada tempoh survival selama tiga puluh (30) hari dari tarikh diagnosis kanser lelaki.

**Bayaran Sebelum Perlindungan (CBC)** – premium hendaklah dibayar kepada kami atau ejen kami yang diiktiraf sebelum tarikh perlindungan polisi dikuatkuasakan.

**Tuntutan** – jika berlaku kemalangan yang membawa kepada tuntutan, anda hendaklah memberitahu kami dalam masa tiga puluh (30) hari daripada tarikh kemalangan itu berlaku.

**Nota:** Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai lengkap terma-terma dan syarat-syarat.

**6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?**

- a. Penyakit sedia ada dan penyakit khusus;
- b. Keadaan congenital;
- c. Mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau percubaan membunuh diri;
- d. Kemabukan akibat alkohol atau dadah;
- e. AIDS atau kehadiran sebarang HIV;
- f. Gangguan mental dan saraf;
- g. Komplikasi penyakit venereal;
- h. Menyertai pasukan tentera laut, darat, udara, polis, jabatan bomba atau yang lain-lain;
- i. Mengambil bahagian dalam pekerjaan berbahaya;
- j. Peperangan, mogok, rusuhan atau kekecohan awam, kontaminasi radioaktif atau nuclear dan tindakan penganas; atau
- k. Mengambil bahagian dalam sukan dan aktiviti berbahaya

**Nota:** Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian.

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada kami. Atas pembatalan tersebut, anda boleh mendapat kembali sebahagian premium anda dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat sepanjang tempoh insurans.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat perhubungan?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.

**9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Etiqa General Insurance Berhad (197001000276)**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan di kawalselia oleh Bank Negara Malaysia)

Aras 13, Menara B, Dataran Maybank

No. 1, Jalan Maarof

59000 Kuala Lumpur, Malaysia.

Nombor Telefon: +603 2297 3888

Nombor Faksimile: +603 2297 3800

E-mel: info@etiqa.com.my

Laman Web: www.etiqa.com.my

Pusat Perkhidmatan Kumpulan Maybank: 1300 88 6688

**10. Lain-lain jenis perlindungan insurans kemalangan diri yang boleh didapati**

Sila rujuk kepada cawangan kami untuk jenis perlindungan serupa yang ditawarkan.

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN MERUJUK SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI ANDA. ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA MESTI MEMBACA, MEMAHAMI DAN HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang disediakan di dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024.